

Usaha cari mangsa gempa diterus

Peluang temui penduduk hidup tipis ketika mangsa kecewa bantuan lewat tiba

B.M 619109 MISA

JAKARTA: Pasukan penyelamat di Indonesia semalam meneruskan usaha mencari walaupun harapan untuk menemui berpuluh-puluh penduduk yang masih hilang semakin pudar selepas kejadian gempa bumi besar berukuran 7 skala Richter, Rabu lalu.

Gempa yang berlaku di pantai selatan Jawa mencekutkan kejadian tanah runtuh yang menimbuskan berpuluh penduduk di kampung Cikangkareng, 130 kilometer ke selatan Jakarta.

“Gempa bumi membunuh sekurang-kurangnya 65 orang. Pencarian berpuluh lagi mangsa diteruskan walaupun peluang untuk mereka hidup amat tipis,” kata jurucakap agensi pengurusan bencana, Priyadi Kardono.

“Kadang kala peralatan berat tidak mencukupi untuk membantu kerana pekerja penyelamat perlu berhati-hati untuk mengangkat mayat mangsa,” katanya.

Gempa yang memusnahkan lebih 31,000 rumah di kawasan itu juga dirasakan di wilayah berjiran Bali dan Sumatera.

Kardono berkata, seramai 27,000 penduduk sudah dipindahkan.

Kebanyakan mangsa me-



PENDUDUK membersihkan dan mencari barangan yang masih boleh digunakan di rumah mereka yang ranap akibat gempa bumi.

ngadu bantuan yang perlahan tiba bagi keperluan seperti khemah, makanan dan bekalan perubatan.

Indonesia berada di kawasan yang dipanggil Lingkaran Api Pasifik meny-

ebabkan ia sering dilanda gempa bumi.

Kejadian gempa berukuran 7.7 pada 2006 mencekutkan kejadian tsunami di selatan Jawa membunuh 596 orang dan menyebabkan 74,000 penduduk hilang tempat tinggal.

Gempa bumi terburuk adalah di kawasan pantai Sumatera yang mencekutkan kejadian tsunami pada 2004, membunuh lebih 200,000 penduduk di seluruh Asia termasuk 168,000 di Indonesia. – AFP

FAKTA NOMBOR

27,000
penduduk

Mangsa gempa bumi di Indonesia sudah dipindahkan



MANGSA gempa bumi menunggu untuk mendapatkan bekalan ubat di Pengalengan, Jawa Barat, semalam.